

KKM merekodkan 9.6 peratus kanak-kanak dikesan ada masalah kesihatan itu

Usia 10 tahun ada masalah mental



KHAIRY JAMALUDDIN (kiri) bersama **Tuanku Syed Faizuddin** (tengah) selepas Karnival ANMS di Dataran Dato Sheikh Ahmad di Kangar semalam.

KANGAR – Kementerian Kesihatan merekodkan sebanyak 2.3 peratus orang dewasa, manakala 9.5 peratus kanak-kanak berusia 10 hingga 15 tahun mengalami masalah kesihatan mental pada tahun 2019.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, kadar tersebut tidak mustahil lebih tinggi ketika ini kerana kesan daripada pandemik Covid-19.

Menurut beliau, angka tersebut direkodkan menerusi peningkatan orang ramai yang mahu mendapatkan bantuan dan sokongan kesihatan mental dalam tempoh tersebut.

“Masalah kesihatan mental seperti kemurungan yang semakin meningkat memberi cabaran besar kepada sektor kesihatan.

“Kesihatan mental bukan sa-

haja mempengaruhi kesihatan fizikal, malah kualiti kehidupan dan produktiviti seseorang sama ada kanak-kanak ataupun dewasa,” katanya ketika berucap sempena Karnival Jelajah Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) peringkat negeri ini di Dataran Dato’ Sheikh Ahmad di sini semalam.

Majlis perasmian karnival tersebut disempurnakan Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail.

Sementara itu, Khairy Jamaluddin berkata, berdasarkan statistik Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2019, satu daripada lima orang dewasa di negara ini menghidap diabetes iaitu bersamaan anggaran 3.9 juta individu atau 18.3 peratus daripada keseluruhan

populasi dewasa.

Katanya, angka tersebut menunjukkan peningkatan daripada tinjauan sama pada tahun 2015 iaitu sekitar 13.4 peratus.

“Angka ini membimbangkan kerana tahap kesedaran rakyat mengenai kesihatan masih rendah.

“Mengikut unjuran statistik Jabatan Perangkaan Malaysia pada 2019, populasi warga emas lingkungan 60 tahun dan ke atas akan meningkat kepada 15 peratus daripada keseluruhan populasi.

“Ini bermakna Malaysia akan menjadi negara berusia emas menjelang 2030, dan itulah sebabnya kita mahu supaya warga emas menjalani hidup sihat serta berkualiti,” tambah Khairy Jamaluddin.